



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

### **SKUAD WAJA- PROGRAM BAHARU KPWKM KHUSUS UNTUK MELINDUNGİ WANITA**

Merujuk kepada soalan YB Hannah Yeoh ketika perbahasan di Dewan Rakyat pada 16 November 2021, **Skuad Waja** iaitu Skuad Wanita Anti Jenayah merupakan skuad sukarelawan yang ditubuhkan dengan tujuan untuk memperkasakan komuniti terutamanya wanita dalam usaha menangani keganasan terhadap wanita melalui aktiviti psikososial dan bimbingan dan dalam pada masa yang sama untuk membina sebuah masyarakat yang prihatin dan peka dengan keadaan sekeliling.

Skuad Waja merupakan inisiatif baharu yang dilaksanakan bermula Tahun 2021 bagi melindungi wanita untuk meningkatkan kesedaran dalam menangani keganasan dan jenayah yang sering berlaku khususnya terhadap golongan wanita.

Modul Skuad Waja yang digunakan bagi melatih sukarelawan ini juga merupakan modul baharu yang telah dibangunkan pada akhir tahun 2020 dan mula digunakan pada Januari 2021 untuk menerapkan pengetahuan berkaitan kemahiran peringkat asas menolong iaitu E.A.R.S (Empati, Atensi, Respon, Sokongan) dan ilmu *Psychological First Aid* (PFA) yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita dengan kerjasama Institut Sosial Malaysia (ISM). Modul ini juga telah dibukukan dan

didaftarkan dengan Perpustakaan Negara dengan nombor pendaftaran e ISBN 978-983-44158-5-3 pada tahun 2021 (cetakan pertama).

Selain itu, modul ini juga mengandungi informasi-informasi berkaitan jenayah/ketidakadilan yang sering berlaku terhadap wanita iaitu:

- 1) Diskriminasi Gender
- 2) Gangguan Seksual
- 3) Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran
- 4) Jenayah Siber
- 5) Keldai Dadah
- 6) Rogol & Cabul
- 7) Keganasan Rumah Tangga

Siri Latihan Pertama Skuad Waja telah dilaksanakan pada bulan Januari 2021 dan sehingga 11 November 2021, seramai 100,002 ahli Skuad Waja telah berjaya dilatih (93,145 wanita dan 6,857 lelaki) yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti penjawat awam, wakil NGO, ketua-ketua komuniti, sektor swasta, mahasiswa dan lain-lain.

Kini bukanlah masanya untuk kita berdebat sama ada insiatif ini merupakan insiatif baharu atau lama. Sepatutnya semua pihak perlu memberikan kerjasama dan sokongan tanpa mengambil kira latar belakang sosial, ekonomi atau pun politik untuk sama-sama memastikan kesejahteraan, kebajikan dan perlindungan kumpulan sasar khususnya wanita adalah terjamin. Lebih banyak usaha dan tenaga perlu ditumpukan kepada perkara-perkara yang boleh memberi manfaat terus kepada rakyat.

Atas prinsip keutamaan kepada rakyat ini, saya berpandangan perbahasan sewajarnya dilakukan dengan penuh ilmiah dan maklumat yang sarat dengan fakta dan mengetengahkan idea-idea beras, bukan

untuk menyampaikan kepentingan politik ataupun peribadi.

Saya mengalu-alukan lebih ramai rakyat untuk menyertai Skuad Waja bagi memperluaskan lagi inisiatif ini supaya kesedaran berkaitan jenayah dan keganasan terhadap wanita di peringkat akar umbi dapat ditingkatkan dengan berkesan. Kementerian ini juga telah merancang untuk menambahbaik Modul Skuad Waja sedia ada mulai Tahun 2022 dengan memasukkan kemahiran menolong peringkat pertengahan dan lanjutan bagi E.A.R.S (Empati, Atensi, Respon, Sokongan). Sebarang input atau cadangan penambahbaikan berkaitan Skuad Waja boleh dimajukan melalui e-mel [bppsi@jpw.gov.my](mailto:bppsi@jpw.gov.my).

Sekian terima kasih.

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
17 November 2021